

Spektrum @ PSN



Apa yang menarik bulan ini?

Taklimat Pameran 1001 Inventions
Dihadiri 250 Orang Tetamu Jemputan

1

PSN Terima Kunjungan Rasmi KSJ MOSTI

2

PSN Anjur Majlis Khatam Al-Qur'an dan Iftar Sempena Ramadhan

2

Sana-sini PSN

3

Info Sains

3

Program menarik akan datang

4

Judul buku untuk bulan ini

4

Jom kenali bahan pameran

4

TAKLIMAT PAMERAN 1001 INVENTIONS DIHADIRI 250 ORANG TETAMU JEMPUTAN

Pusat Sains Negara: Pameran '1001 Invention: Kegemilangan Dalam Tamadun Muslim' yang dibawa khas ke Pusat Sains Negara akan mula dibuka pada 31 Ogos 2013. Sempena pameran tersebut, pihak *Science Discoveries* selaku penganjur utama dengan kerjasama Pusat Sains Negara telah mengadakan satu taklimat mengenai pameran ini pada 2 Julai 2013 bertempat di Auditorium Ibnu Sina, Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur.

Taklimat mengenai pameran ini telah disampaikan oleh En. David Oh selaku Pengarah Operasi *Science Discoveries* telah dihadiri oleh para jemputan seramai 250 orang. Mereka adalah terdiri daripada guru sekolah, wakil agensi pelancongan serta wakil daripada agensi kerajaan dan swasta.

Matlamat utama taklimat ini diadakan adalah untuk memberikan serba sedikit pengenalan mengenai pameran ini kepada para orang ramai. Selain itu, taklimat ini juga bertujuan mempromosikannya kepada pihak sekolah serta agensi pelancongan untuk menarik kunjungan mereka ke pameran ini nanti.



Di samping itu, para tetamu jemputan juga turut disajikan dengan tayangan video pameran 1001 Inventions di beberapa lokasi penganjurannya sebelum ini dan diakhiri dengan sesi soal jawab.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

Pusat Sains Negara
Kementerian Sains,
Teknologi dan Inovasi,
Perstaran Bukit Kiara,
50662 Kuala Lumpur

T : 03 2089 3400 F : 03 2089 3401
W : www.psn.gov.my
Fb : [fb.com/PusatSainsNegara](https://www.facebook.com/PusatSainsNegara)

PSN TERIMA KUNJUNGAN RASMI KSU MOSTI

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg. Dato' Dr. Rosli Mohamed telah mengadakan satu kunjungan rasmi ke Pusat Sains Negara pada 29 Julai 2013.

Kunjungan beliau ke Pusat Sains Negara diadakan bertujuan untuk menghadiri satu taklimat mengenai Pelan Operasi Pusat Sains Negara bagi tahun 2014. Di samping itu, beliau juga turut diberikan taklimat umum mengenai operasi serta peranan Pusat Sains Negara.

Selepas taklimat tersebut, beliau telah dibawa melawat ke sekitar kawasan Pusat Sains Negara dan turut dibawa melihat sendiri masalah utama yang berlaku di Pusat Sains Negara iaitu masalah kebocoran bumbung. Lawatan beliau turut disertai oleh Pengarah Pusat Sains Negara serta beberapa orang pegawai daripada MOSTI dan Pusat Sains Negara.

Secara keseluruhannya, lawatan pertama kali beliau ke Pusat Sains Negara ini telah memberikan serba sedikit pengenalan mengenai operasi serta peranan Pusat Sains Negara.



PSN ANJUR MAJLIS KHATAM AL-OUR'AN DAN IFTAR SEMPERA RAMADHAN

Sempena bulan Ramadhan pada tahun ini, Pusat Sains Negara telah mengadakan satu Majlis Khatam Al-Qur'an dan Iftar. Majlis ini telah berlangsung pada 2 Ogos 2013 bertempat di Dewan Serbaguna, Pusat Sains Negara.

Majlis Khatam Al-Qur'an dan Iftar ini merupakan anjuran Kelab 3K dan Kelab Puspanita PSN yang diketuai oleh En. Mohd. Firdaus Poed (Timb. Pengerusi Kelab 3K PSN) dan Cik Nurul Haizun Abd. Ghani (Setiausaha kelab Puspanita PSN). Majlis Khatam Al-Quran ini juga diadakan sempena program tadarus sepanjang bulan Ramadhan yang melibatkan para kakitangan Pusat Sains Negara.

Majlis ini telah dihadiri oleh kakitangan Pusat Sains Negara serta penceramah daripada luar yang dijemput untuk menyampaikan tazkirah Ramadhan. Selepas selesai berbuka puasa dan bersolat Maghrib, majlis diteruskan dengan solat Isyak diikuti dengan solat Tarawikh secara berjemaah.

PROGRAM PROFESSIONAL DEVELOPMENT

7-9 Julai 2013
Kapit, Sarawak



KARNIVAL KREATIVITI & SCIENCEAU 2013

6 Julai 2013
Ranau, Sabah



KARNIVAL KREATIVITI & SCIENCEAU 2013

17 Julai 2013
Kuala Besut, Besut
Terengganu



INFO SAINS

TAHUKAH ANDA?

Berat lidah ikan paus biru adalah

sama dengan berat seekor gajah betina

manakala jantungnya pula adalah

sama beratnya dengan sebuah kereta.

PROGRAM MENARIK AKAN DATANG

PAMERAN
1001 INVENTIONS

31 Ogos 2013 - 28 Februari 2014
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur


SCIENCE KIDS

29 - 4 Oktober 2013
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

PAMERAN
SCIENCE OF FEAR

Akan datang
Pusat Sains Negara
Kuala Lumpur

JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

THE EUREKA METHOD

Buku ini akan menjana saat 'Eureka' anda untuk menjadi seorang pencipta yang berjaya!

Bayangkan penemuan produk terbaru menggunakan kaedah yang telah terbukti dan teknik hujahan yang digunakan oleh pencipta yang telah berjaya hari ini.

Buku 'The Eureka Method: How to Think Like an Inventors' menggariskan pendekatan yang sistematik terhadap inovasi. Selain itu, anda juga dapat mengetahui cara bagaimana untuk melihat perkembangan sosial dalam mencari cara baharu untuk menggabungkan serta mempertingkatkan teknologi dan sistem sedia ada.

★ CERMIN AJAIB ★



FUNGSI

Bahan pameran ini menerangkan konsep sudut tuju adalah sama dengan sudut pantulan. Imej pantulan bergantung kepada kelengkungan cermin yang dihasilkan melalui butang kawalan yang disediakan. Butang ini pula akan menghasilkan kesan imej yang melucukan!